



Jabatan Perangkaan  
MALAYSIA

# **BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI**

**RUJUKAN: 2 - 4 MAC 2021**

**BIL. 10 /2021**



## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 4 Mac 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 283,629** atau 92.1 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **23,161 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **2,063 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **307,943 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.6 peratus** daripada catatan harian dengan sebanyak **2,054 kes atau 69.1 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import hanya berjumlah 9 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 45.1 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (21.4 peratus), Zon Selatan (19.3 peratus), Zon Utara (10.3 peratus) dan Zon Pantai Timur (3.9 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** antaranya diterajui menerusi catatan **di Selangor dan Sarawak** dengan masing-masing **merekodkan 630 dan 361 kes** disusuli Pulau Pinang (337 kes), Johor (255 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (120 kes), Perak (101 kes) dan Negeri Sembilan (91 kes). Sejumlah **1,153 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **5 kematian terbaru**.

Krisis kesihatan yang berpanjangan ini turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ekonomi dunia digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut;

**AS: Aktiviti Pembuatan AS meningkat ke paras tertinggi tiga tahun pada bulan Februari di tengah lonjakan pesanan baharu.** Walau bagaimanapun, sektor tersebut terus berhadapan dengan kos bahan mentah dan input lain yang lebih tinggi di samping pembekal menghadapi kekurangan tenaga kerja akibat pandemik COVID-19 yang berlarutan. ISM melaporkan Indeks Aktiviti Pembuatan meningkat kepada bacaan 60.8 bulan lalu daripada 58.7 pada Januari 2021. Indeks ini adalah yang tertinggi sejak Februari 2018. Pembacaan di atas 50 menunjukkan pertumbuhan dalam pembuatan yang menyumbang 11.9% ekonomi AS. **Laporan oleh US Department of Commerce menunjukkan Perbelanjaan pembinaan AS meningkat lebih banyak daripada yang dijangkakan pada bulan Januari 2021.** Perbelanjaan pembinaan meningkat 1.7% kepada AS\$1.522 trilion pada Januari 2021 setelah merekodkan 1.1% pada Disember 2020. Kenaikan perbelanjaan pembinaan yang lebih besar daripada yang dijangkakan ini disumbangkan oleh

perbelanjaan pembinaan swasta yang meningkat 1.7% kepada AS1.160 trilion. (Reuters, RTT)

**EU: Sektor Pembuatan zon Eropah berkembang pada kadar yang lebih cepat daripada yang dianggarkan pada bulan Februari, yang merupakan yang terkuat dalam tempoh tiga tahun.** Peningkatan sektor Pembuatan ini disokong oleh output, pesanan baharu dan permintaan eksport yang meningkat dengan mendadak. PMI sektor Pembuatan meningkat kepada 57.9 daripada 54.8 pada Januari 2021. **Tinjauan yang dilaksanakan pada 11-19 Februari juga mendapati bahawa masa penghantaran yang panjang menyebabkan inflasi meningkat lebih pantas dalam hampir satu dekad.** IHS Markit menyatakan peningkatan permintaan dan gangguan pembekalan telah melewati penghantaran dan meningkatkan harga bahan mentah serta komponen input yang lain. Harga pengeluaran meningkat pada kadar tertinggi sejak April 2018. (RTT, Bloomberg)

**UK: Kelulusan pinjaman kediaman UK turun kurang dari yang dijangkakan pada bulan Januari kepada yang terendah dalam tempoh tiga bulan.** Bank of England (BoE) menyatakan jumlah kelulusan untuk pembelian kediaman jatuh kepada 98,994 daripada 102,809 pada bulan Disember 2020. Ini merupakan penurunan untuk bulan kedua berturut-turut. Pinjaman dengan jaminan kepada individu menurun ke paras terendah tiga bulan GBP5.16 bilion daripada GBP5.34 bilion pada bulan sebelumnya. **Sementara itu, sektor Pembuatan UK mencatatkan pertumbuhan pengeluaran paling perlahan sejak Mei 2020 pada bulan Februari 2021.** Ini adalah kerana kelewatan berkaitan Brexit dan COVID-19 serta pengurangan dalam pinjaman pengguna pada bulan Januari apabila UK kembali melaksanakan sekatan pergerakan yang ketat. BoE menjangkakan ekonomi UK akan menyusut 4% dalam tiga bulan pertama 2021, iaitu penurunan yang lebih tinggi daripada pada mana-mana suku tahun krisis kewangan 2008-09 walaupun jauh lebih rendah daripada penurunan -20% pada awal negara tersebut dilanda pandemik COVID-19. (Reuters)

**ASIA: Aktiviti sektor Pembuatan China berkembang pada kadar paling perlahan dalam tempoh sembilan bulan pada Februari 2021.** Pertumbuhan yang lemah ini didorong oleh permintaan luar negeri yang lemah dan peningkatan semula penularan COVID-19. Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Pembuatan Caixin / Markit jatuh ke 50.9 bulan lalu, tahap terendah sejak Mei 2020. **Sementara itu, aktiviti Pembuatan Jepun dilaporkan berkembang pada kadar terpantas dalam lebih dari dua tahun pada bulan Februari 2021.** Peningkatan ini dipacu oleh pesanan yang mengukuh. PMI Pembuatan atau Jibun Bank Jepun melonjak ke 51.4 pada bulan Februari daripada bacaan 49.8 bulan sebelumnya. **Di India, sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan pada kadar yang lebih perlahan pada bulan Februari 2021.** Tinjauan IHS Markit menunjukkan, PMI sektor Pembuatan India jatuh ke 57.5 pada bulan Februari daripada 57.7 pada bulan sebelumnya. Pesanan eksport baharu turut meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada bulan Februari. Jumlah pesanan baharu meningkat dan inventori bahan mentah mencatatkan pertumbuhan pada kadar terkuat dalam siri masa tinjauan. Kadar inflasi kos

keseluruhan turut mencatatkan peningkatan pada nilai tertinggi dalam tempoh tiga puluh dua bulan. (Reuters, RTT)

**AS: Lonjakan import AS yang tinggi ke ekonomi negara tersebut yang sedang bertumbuh perlahan akibat gelombang ketiga COVID-19 menggambarkan kadar pemulihan global yang tidak seimbang.** Blue Alpha Capital menyatakan bahawa jumlah aliran masuk kontena masuk melalui 10 pelabuhan terbesar AS meningkat 12.5% tahun ke tahun pada bulan Jan, setelah lonjakan 23% bulan sebelumnya dan 25% pada bulan November 2020. (Bloomberg)

**EU: EUROSTATS melaporkan kadar inflasi di zon Eropah stabil pada 0.9% tahun ke tahun pada bulan Februari seperti yang dicatatkan pada Januari yang lepas.** Inflasi teras pula perlahan kepada 1.1% tahun ke tahun daripada 1.4% pada bulan Januari. Pada asas perbandingan bulan-ke-bulan, indeks harga pengguna meningkat 0.2% pada bulan Februari, sama seperti pada bulan Januari yang lepas. Komponen Makanan, Alkohol & Tembakau mencatatkan kadar kenaikan tahunan tertinggi pada bulan Februari, iaitu pada kadar 1.4%. **Laporan dari DESTATIS menunjukkan Jualan runcit Jerman bagi Januari 2021 turun untuk bulan kedua berturut-turut, turun pada kadar yang lebih pantas daripada yang diramalkan.** Jualan runcit turun 4.5% bulan ke bulan, berbanding penurunan 0.3% yang diunjurkan oleh penganalisis ekonomi. Pada bulan Disember 2020, jualan susut 9.1% bulan ke bulan. Pada asas tahunan, jualan runcit dilaporkan turun 8.7% tahun ke tahun, berbanding ramalan peningkatan 1.3% oleh penganalisis ekonomi. Berbanding bulan Disember, penjualan meningkat 2.8% tahun ke tahun. Kejatuhan ini adalah yang pertama sejak April tahun lalu, ketika jualan runcit turun 5.6%. Pertumbuhan negatif ini disebabkan oleh sekatan pergerakan yang ketat kedua COVID-19 yang bermula pada 16 Disember 2020, menjejaskan sebahagian aktiviti peruncitan. **Selain itu, laporan Federal Labor Agency menunjukkan kadar pengangguran di Jerman kembali meningkat kesan dari sekatan pergerakan yang ketat yang berterusan.** Buat pertama kalinya dalam tempoh lapan bulan, pengangguran di ekonomi terbesar Eropah itu meningkat dengan pertambahan 9,000 penganggur yang menjadikan jumlah pengangguran naik kepada 2.75 juta dengan kadar pengangguran pada 6%. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran itu telah dikekang untuk naik lebih tinggi melalui subsidi kerajaan untuk membolehkan syarikat mengekalkan pekerja. Ini apabila Institut IFO menganggarkan lebih daripada 2 juta pekerja mendapat manfaat daripada program furlough pada bulan Januari 2021. **Sementara itu, Itali berkemungkinan akan mendapatkan bajet rangsangan tambahan bagi mempercepatkan kempen vaksinasi dan menghadapi tekanan gelombang terbaharu COVID-19.** Kerajaan negara tersebut merancang untuk membelanjakan sekitar EUR32 bilion (AS\$38 bilion) yang telah disetujui oleh parlimen pada bulan Januari yang lepas. Walau bagaimanapun peruntukan tersebut dijangka hanya dapat bertahan untuk digunakan dalam waktu yang singkat. (RTT, Bloomberg)

**UK: Tinjauan dari Nationwide Building Society menunjukkan harga kediaman UK meningkat pada bulan Februari 2021.** Indeks harga kediaman

(HPI) meningkat 6.9% tahun ke tahun setelah meningkat 6.4% pada bulan sebelumnya. Trend peningkatan ini adalah melebihi ramalan penganalisis ekonomi yang menjangkakan kadar pertumbuhan harga kediaman akan meningkat lebih perlahan pada 5.6%. Pada asas perbandingan bulan-ke-bulan, HPI meningkat 0.7% pada bulan Februari setelah turun 0.2% pada bulan Januari. Harga purata sebuah kediaman di UK adalah pada nilai GBP231,061 pada bulan Februari. (RTT)

**ASIA: Perbelanjaan modal (CAPEX) Jepun turun apabila firma mengurangkan perbelanjaan pada Oktober-Disember 2020.** Syarikat-syarikat perniagaan di Jepun mengurangkan perbelanjaan modal ke atas struktur dan peralatan untuk tiga suku tahunan berturut-turut akibat prospek ekonomi yang tidak menentu terutama ke atas daya pemulihan negara itu dari pandemik COVID-19. Perbelanjaan modal yang lemah mungkin membimbangkan kerajaan yang bergantung pada pelaburan sektor swasta untuk membantu pemulihan ekonomi ketiga terbesar di dunia tersebut. Perbelanjaan modal turun 4.8% tahun ke tahun pada bulan Oktober - Disember berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya. Harga pengeluar turun lebih jauh. **Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar Filipina turun lebih pantas pada Januari 2021.** Laporan dari Philippine Statistical Authority menunjukkan, Indeks Harga Pengeluar turun 5.3% tahun ke tahun pada bulan Januari, setelah susut 3.8% pada bulan Disember 2020. Harga untuk pembuatan kok dan produk petroleum bertapis turun -27.5% tahun ke tahun pada bulan Januari, sementara untuk pembuatan produk tembakau meningkat 3.4%. Pada asas perbandingan bulan ke bulan, Indeks Harga Pengeluar turun 1.7% pada bulan Januari, setelah pertumbuhan 0.9% pada bulan Disember 2020. Di antara komponen indeks harga pengeluar yang menyumbang kepada kejatuhan adalah harga pembuatan produk komputer, elektronik dan optik yang jatuh -11.7% bulan ke bulan pada bulan rujukan. (Reuters, RTT)

**Australia: Sektor perkhidmatan Australia perlahan pada bulan Februari 2021.** Sektor perkhidmatan di Australia terus berkembang pada bulan Februari tetapi pada kadar yang sedikit lebih perlahan. Tinjauan terbaharu dari Markit Economics menunjukkan skor PMI Perkhidmatan adalah 53.4 pada Februari berbanding 55.6 pada bulan Januari. Perincian menunjukkan aktiviti perniagaan baharu menunjukkan peningkatan yang berterusan dan terdapat peningkatan ke atas sektor pekerjaan. Sentimen perniagaan berada pada tahap terkuat dalam lebih dari dua tahun. Sekatan sempadan antarabangsa yang ketat didapati mengurangkan pesanan eksport untuk bulan ketiga belas secara berterusan. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Ketegangan hubungan antara China dengan AS telah memberi kelebihan kepada eksport Malaysia** terutamanya eksport ke China, Singapura dan AS. Malaysia mencatatkan peningkatan eksport ke China kepada RM60 bilion sepanjang tahun 2016 hingga 2020. Eksport ke AS meningkat sebanyak RM28.6 bilion dan eksport ke Singapura meningkat sebanyak RM27.7 bilion. Malaysia juga meluluskan pelaburan langsung asing (FDI) yang lebih tinggi, terutamanya dari China dan Amerika Syarikat.
2. **Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)** menyasarkan untuk **menarik pelaburan komited** bernilai RM100 juta **dalam bidang pelancongan dan perniagaan tani** bagi memperkasakan ekonomi dan membasmi kemiskinan di daerah Mersing. Projek pembinaan Pusat Informasi dan Perkhidmatan Taman Laut Sultan Iskandar (PIPTLSI) merupakan pusat maklumat sehenti bagi pelancong serta turut berfungsi sebagai 'Pusat Transformasi Luar Bandar', dijangka siap pada Jun 2021.
3. **Malaysia mempunyai asas kukuh** untuk memberi impak dalam **usaha memulihkan ekonomi**. Pelbagai pakej rangsangan ternyata membantu kelangsungan hidup rakyat, sekali gus menjana semula ekonomi domestik yang perlahan-lahan menemui rentaknya. **Pembukaan semula dan pengukuhan pasaran domestik** memadai untuk memulihkan ekonomi buat masa ini kerana ia banyak dijangka oleh sektor tempatan.
4. Bank Negara Malaysia (BNM) melihat bahawa kadar **OPR pada tahun 2021 akan kekal pada kadar semasa** iaitu pada kadar **1.75 peratus**. Pengekalan OPR pada kadar yang sama ini bersandarkan kepada penurunan kes harian Covid-19, kawalan pergerakan yang telah dilonggarkan dan proses vaksinasi yang telah dimulakan pada masa ini.
5. **Sektor berkaitan komoditi getah dan e-dagang** merupakan dua industri utama yang paling **banyak menerima manfaat daripada Covid-19** berdasarkan laporan Malaysian Insurance Highlights (MIH) 2020. Pandemik mempercepatkan proses pendigitalan dan teknologi ini telah membantu industri insurans untuk terus berhubung dengan pelanggan, ejen dan pekerja.
6. **Eksport produk getah Malaysia melonjak kepada RM40.96 bilion** pada tahun 2020 berikutan lonjakan eksport barangan getah terutamanya alat perubatan seperti sarung tangan dan kateter. Sektor barang getah, terutamanya alat perubatan seperti sarung tangan dan kateter, merangkumi 90% daripada jumlah eksport produk getah pada tahun 2020. Ia mencatat lonjakan 81% pada tahun 2019.

7. Kerajaan menyasarkan untuk **menarik syarikat unicorn antarabangsa untuk beroperasi di Malaysia** serta memangkin 5,000 syarikat permulaan dalam tempoh lima tahun melalui **inisiatif MyDigital**. Inisiatif ini mampu untuk menarik **pelaburan baharu dalam sektor digital** sebanyak RM70 bilion dari dalam dan luar negeri.
8. Kerajaan **Arab Saudi** telah **mewajibkan pengambilan vaksin COVID-19** terhadap seluruh **bakal jemaah haji**.
9. **Keuntungan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) menyusut** kepada RM2.9 bilion pada tahun 2020 berbanding RM7.4 bilion pada tahun 2019.
10. Kelulusan untuk **hospital swasta membuat perolehan vaksin** dan menawarkan suntikan pelalian mampu menjadi pemangkin ke arah mencapai imuniti kelompok.
11. **Aktiviti pelancongan** bagi kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) **dibenarkan beroperasi dengan 50 peratus kapasiti premis**. Antara pusat tarikan pelancong awam yang dibenarkan seperti zoo, 'farms', akuarium, taman rekreasi serta taman ekstrem, taman 'adventure' 'nature parks' dan lain-lain.
12. **Pakej Kita Selangor** bernilai RM24.7 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi **membantu beberapa sektor yang terkesan akibat penularan COVID-19** dan PKP. Jumlah itu memberi manfaat kepada 108,545 penduduk Selangor, yang merangkumi enam inisiatif di bawah pakej khas kerajaan negeri dan yang telah dilaksanakan sepenuhnya.
13. **Penumpang bagi pengangkutan udara menunjukkan penurunan** pada Januari 2021 sebanyak 72 peratus berbanding Januari 2019. Ini adalah kesan daripada tindak balas terhadap penularan Covid-19. Rantau ini terus mengalami penurunan trafik paling ketara selama tujuh bulan berturut-turut.
14. Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, **kerajaan mengekalkan harga runcit petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter**, sungguhpun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk telah meningkat melebihi paras harga siling yang telah ditetapkan. Pengumuman harga runcit produk petroleum secara mingguan akan dibuat setiap hari Rabu mulai minggu ini.
15. **Pembukaan semula larangan merentas daerah** bermula 5 Mac akan membolehkan orang ramai merancang perjalanan dan seterusnya **meningkatkan punca pendapatan** mereka yang terlibat dalam **sektor pelancongan**. Kerajaan digesa untuk mengeluarkan **dokumen khas**

**kepada rakyat yang menerima vaksin** bagi membolehkan pergerakan di dalam negeri untuk aktiviti sosial termasuk pelancongan adalah selamat.

16. Sektor pembuatan di Malaysia merekodkan **sejumlah RM91.3 bilion dalam pelaburan diluluskan untuk 2020**, menjadikan ia melebihi separuh daripada jumlah pelaburan diluluskan di Malaysia. Sebanyak **1,049 projek diluluskan** bagi sektor pembuatan dengan jangkaan **pewujudan peluang pekerjaan sebanyak 80,190**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28,706 (35.8%) adalah bagi jawatan teknikal dan penyeliaan manakala 51,484 (64.2%) pewujudan jawatan adalah bagi jurujual, pengkeranian, operator mesin & kilang dan lain-lain.
17. Ketika ini **harga daging tempatan sudah mencecah RM40 sekilogram** dan tidak menolak kemungkinan akan mencapai RM45 sekilogram menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.
18. **Industri pembalakan** akan menerima perkhidmatan daripada **graduan kejuruteraan universiti tempatan di bawah Program Penempatan Jurutera dan Latihan Prasiswazah Dalam Industri Kayu-Kayan 2021**. Kumpulan pertama melibatkan seramai 80 siswazah adalah kolaborasi antara *Malaysian Timber Council* (MTC) dan lapan universiti tempatan. Program ini akan meningkatkan **kebolehpasaran siswazah selain mengukuhkan inovasi dan pembangunan industri kayu-kayan**. MTC akan menanggung kos latihan serta menyediakan elaun sebanyak RM2,000 kepada peserta.
19. Impak PKP dan pandemik Covid-19 terhadap **sektor pelancongan di Pulau Pinang** amat teruk sehingga menyaksikan **21 buah hotel terpaksa ditutup sementara** manakala **sembilan lagi tutup sepenuhnya tahun lalu**. Dijangka 30 hingga 40 peratus hotel dan resort di negeri itu akan menutup operasi sekiranya PKP terus dilaksanakan dan tiada kelonggaran merentas sempadan negeri dipertimbangkan.
20. **Pendapatan UWC Bhd pada suku tahunan meningkat 8.8%** menjadi RM77.8 juta daripada RM71.5 juta pada suku sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh **permintaan yang lebih tinggi** dari pelanggan dalam **industri semikonduktor**, serta peningkatan permintaan untuk **teknologi perubatan, makmal dan peralatan ujian** di pasaran di tengah pandemik Covid-19.

| A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) |                                                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                     |
|--------------------------------------------|-------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bil                                        | Akhbar                                                | Ringkasan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | Pautan                                                                                                                                                                                                                                              |
| 1.                                         | <b>Metro</b><br>2 Mac 2021<br>(Non- essential)        | <p><b>Rentas negeri masih tak dibenarkan</b></p> <p>Bermula 5 Mac 2021, perjalanan rentas daerah dalam negeri dibenarkan kecuali Sabah, manakala rentas negeri kekal tidak dibenarkan. Sementara itu, kerajaan memutuskan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Johor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Kelantan.</p> | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/679838/rentas-negeri-masih-tak-dibenarkan-metrotv">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/679838/rentas-negeri-masih-tak-dibenarkan-metrotv</a>                                             |
| 2.                                         | <b>Metro</b><br>3 Mac 2021<br>(Non- essential)        | <p><b>Sarawak benarkan kemasukan semula pekerja asing</b></p> <p>Bermula 1 Mac 2021, Kerajaan Sarawak telah membenarkan kemasukan semula pekerja asing terutamanya untuk sektor pertanian, perladangan, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan.</p>                                                                                                                        | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/680248/sarawak-benarkan-kemasukan-semula-pekerja-asing">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/680248/sarawak-benarkan-kemasukan-semula-pekerja-asing</a>                                   |
| 3.                                         | <b>Sinar Harian</b><br>3 Mac 2021<br>(Non- essential) | <p><b>Program imunisasi pulih keyakinan perniagaan, ekonomi</b></p> <p>Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dijangka dapat membantu memulihkan keyakinan perniagaan dan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara berikutan dijangka dapat meningkatkan keyakinan pengguna kembali keluar berbelanja dan seterusnya memulihkan keyakinan peniaga.</p>                 | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/126618/BERITA/Nasional/Program-imunisasi-pulih-keyakinan-perniagaan-ekonomi">https://www.sinarharian.com.my/article/126618/BERITA/Nasional/Program-imunisasi-pulih-keyakinan-perniagaan-ekonomi</a> |

|    |                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                             |
|----|------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4. | <b>Berita Harian</b><br>4 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <p><b>Lebih separuh pengusaha bas ekspres di Kelantan gulung tikar</b></p> <p>Susulan pandemik COVID-19 sejak setahun lalu telah memberi kesan kepada sebahagian besar pengusaha bas ekspres di Kelantan. Pengusaha aktiviti tersebut terpaksa memberhentikan operasi atau 'gulung tikar' berikutan tidak mampu menampung kos operasi termasuk gaji pekerja.</p> <p>Presiden Persatuan Pengusaha Bas Kelantan mengatakan setakat ini dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), hanya lima daripada lebih 10 syarikat bas yang masih beroperasi. Sekiranya larangan rentas negeri diteruskan sehingga ke akhir tahun, lebih 2,000 pemandu bas ekspres di Kelantan akan terkesan.</p> | <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/792562/lebih-separuh-pengusaha-bas-ekspres-di-kelantan-gulung-tikar">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/792562/lebih-separuh-pengusaha-bas-ekspres-di-kelantan-gulung-tikar</a> |
| 5. | <b>The Edge</b><br>4 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> )      | <p><b>Top Glove bets on pandemic boom to propel ambitious US\$1.9b HK listing — analysts</b></p> <p>Malaysia's Top Glove Corp Bhd is betting that pandemic-induced sales can provide enough fuel for its US\$1.9 billion (RM7.7 billion) Hong Kong listing to break through the headwind of US sanctions and the prospect of slower growth as vaccinations become widespread. Top Glove's sales benefited greatly from the Covid-19 pandemic but the company also suffered an outbreak causing 5,000 infections, one death and rebuke</p>                                                                                                                                                            | <a href="https://www.theedgemarkets.com/article/top-glove-bets-pandemic-boom-propel-ambitious-us19-bln-hk-listing">https://www.theedgemarkets.com/article/top-glove-bets-pandemic-boom-propel-ambitious-us19-bln-hk-listing</a>                             |

|    |                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                 |
|----|---------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                                                   | from investors including BlackRock Inc.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                 |
| 6. | <b>The Edge</b><br>4 Mac 2021<br>(Non- essential) | <b>RM24.7 mil spent on 'Pakej Kita Selangor' to assist those affected by MCO — Amirudin</b><br><br>A sum of RM24.7 million has been spent by the State government through 'Pakej Kita Selangor' announced last Jan 20 to help those adversely affected by the implementation of the Movement Control Order (MCO). The amount benefited 108,545 Selangor residents, which covered six initiatives under the State government's special package and which were fully implemented. | <a href="https://www.theedge.com/article/rm247-mil-spent-pakej-kita-selangor-assist-those-affected-mco-%E2%80%94-amirudin">https://www.theedge.com/article/rm247-mil-spent-pakej-kita-selangor-assist-those-affected-mco-%E2%80%94-amirudin</a> |

**Penemuan penting & isu:**

1. Artikel 4 – Susulan pandemik COVID-19 sejak setahun lalu telah memberi kesan kepada sebahagian besar pengusaha bas ekspres di Kelantan. Pengusaha aktiviti tersebut terpaksa memberhentikan operasi atau 'gulung tikar' berikutan tidak mampu menampung kos operasi termasuk gaji pekerja.
2. Artikel 6 - Pakej Kita Selangor bernilai RM24.7 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi membantu beberapa sektor yang terkesan akibat penularan COVID-19 dan PKP. Jumlah itu memberi manfaat kepada 108,545 penduduk Selangor, yang merangkumi enam inisiatif di bawah pakej khas kerajaan negeri dan yang telah dilaksanakan sepenuhnya.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Sekiranya larangan rentas negeri diteruskan sehingga akhir tahun, pengusaha bas ekspres dan lebih 2,000 pemandu bas akan terkesan sekaligus memberi impak kepada nilai ditambah aktiviti pengangkutan. Pada tahun 2019, subsektor pengangkutan dan penyimpanan Kelantan merekodkan pertumbuhan sebanyak 6.6 peratus.
2. Pakej rangsangan yang diumumkan kerajaan negeri merupakan langkah terbaik dalam membantu mengimbangi kesan negatif ke atas ekonomi dan pendapatan boleh guna. Terdapat beberapa inisiatif bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan

menyokong para peniaga terutamanya bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) agar berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran ekonomi yang agak muram pada masa ini. Pada tahun 2019, Selangor merekodkan nilai ditambah berjumlah RM344.5 bilion dan mencatatkan pertumbuhan 6.7 peratus (2018: 6.8%).

## **B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)**

| <b>Bil</b>                           | <b>Akhbar</b>                                                   | <b>Ringkasan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | <b>Pautan</b>                                                                                                                                                                                                                                                           |
|--------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>A. Subsektor Kewangan</b>         |                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| 1.                                   | <b>The Edge Markets</b><br>4 March 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <p><b>Khazanah 2020 profit falls 61% to RM2.9b, declares RM2b dividend to government</b></p> <p>Khazanah Nasional Bhd 2020 profit from operations fell 61% to RM2.9 billion from RM7.4 billion a year earlier against the backdrop of a challenging economy and unprecedented impact on the operating environment caused by the COVID-19 pandemic.</p> <p>Despite the profit drop, Khazanah, which is the sovereign wealth fund of Malaysia, declared a dividend of RM2 billion for 2020 to the government of Malaysia.</p> | <a href="https://www.theedge.com/article/khazanah-books-rm29b-profit-2020-declares-rm2b-dividend">https://www.theedge.com/article/khazanah-books-rm29b-profit-2020-declares-rm2b-dividend</a>                                                                           |
| <b>B. Subsektor Kesihatan Swasta</b> |                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| 2.                                   | <b>Berita Harian</b><br>2 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> )      | <p><b>Hospital swasta mampu jadi 'pelengkap' kendalikan suntikan imunisasi</b></p> <p>Hospital swasta boleh digerakkan untuk membantu usaha kerajaan dalam memberikan suntikan pelalian kepada masyarakat secepat mungkin.</p> <p>Mekanisme yang mampu digunakan ialah hospital swasta akan mengenakan surcaj kepada setiap suntikan dan ia disalurkan</p>                                                                                                                                                                  | <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/791703/hospital-swasta-mampu-jadi-pelengkap-kendalikan-suntikan-imunisasi">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/791703/hospital-swasta-mampu-jadi-pelengkap-kendalikan-suntikan-imunisasi</a> |

|    |                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|----|------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                                                            | kepada dana digunakan kerajaan bagi menawarkan vaksin secara percuma untuk masyarakat.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 3. | <b>Berita Harian</b><br>3 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <p><b>Lebih banyak hospital swasta jadi pusat vaksinasi fasa kedua, ketiga</b></p> <p>Lebih banyak hospital swasta akan terbabit sebagai pusat vaksinasi bagi fasa kedua dan ketiga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Oleh demikian, sasaran memberi 75,000 ke 150,000 suntikan sehari mampu dicapai.</p> <p>Hospital Pantai sudah digunakan sebagai pusat vaksinasi untuk petugas kesihatan swasta fasa pertama.</p>              | <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/792119/lebih-banyak-hospital-swasta-jadi-pusat-vaksinasi-fasa-kedua-ketiga">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/792119/lebih-banyak-hospital-swasta-jadi-pusat-vaksinasi-fasa-kedua-ketiga</a> |
| 4. | <b>Sinar Harian</b><br>3 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> )  | <p><b>NGO, hospital swasta mahu beli sendiri vaksin Covid-19</b></p> <p>Beberapa badan amal dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bersedia untuk mendapatkan sendiri vaksin bagi membantu kerajaan dalam menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).</p> <p>Dengan bantuan daripada NGO serta kesediaan hospital swasta yang mahu membeli bekalan vaksin-19 itu, ia membantu meningkatkan jumlah penerima vaksin di negeri ini.</p> | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/126678/BERITA/Nasional/NGO-hospital-swasta-mahu-beli-sendiri-vaksin-Covid-19">https://www.sinarharian.com.my/article/126678/BERITA/Nasional/NGO-hospital-swasta-mahu-beli-sendiri-vaksin-Covid-19</a>                     |

|    |                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|----|---------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5. | <b>Malay Mail</b><br>3 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <b>Covid-19 smart vaccination certificate on the cards, says health minister</b><br><br>Malaysia is to issue a smart vaccination certificate to people in the country who have been vaccinated against COVID-19.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/03/03/covid-19-smart-vaccination-certificate-on-the-cards-says-health-minister/1954545">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/03/03/covid-19-smart-vaccination-certificate-on-the-cards-says-health-minister/1954545</a>                   |
| 6. | <b>Malay Mail</b><br>3 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <b>Don't let private hospitals jump the vaccination queue — no special privileges for the rich! — Suaram</b><br><br>The commercialisation of the COVID-19 vaccination by the private hospitals would only encourage “queue-cutting” where the rich and powerful stands to gain and potentially undermine the government's national programme and weakens social solidarity.<br><br>Allowing private hospitals to procure vaccines and subsequently running their own vaccination programme also contradicts the principles of giving everyone an equal opportunity in the country's largest vaccination programme ever. | <a href="https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2021/03/03/dont-let-private-hospitals-jump-the-vaccination-queue-no-special-privileges/1954516">https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2021/03/03/dont-let-private-hospitals-jump-the-vaccination-queue-no-special-privileges/1954516</a> |
| 7. | <b>Malay Mail</b><br>3 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <b>Allow private hospitals to buy and offer Covid-19 vaccine, says Penang govt</b><br><br>The Penang state government is requesting the central government to allow private hospitals in the state to procure COVID-19 vaccine and to dispense it to those who can afford to obtain their jabs faster.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/03/03/allow-private-hospitals-to-buy-and-offer-covid-19-vaccine-says-penang-govt/1954577">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/03/03/allow-private-hospitals-to-buy-and-offer-covid-19-vaccine-says-penang-govt/1954577</a>               |

|                                |                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                     |
|--------------------------------|-----------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                |                                                           | They (VIP) can afford to pay and its better we allow private hospitals to procure the vaccine compared to waiting for free jabs according to the stipulated phases.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                                                                                                                                                                     |
| 8.                             | <b>Harian Metro</b><br>4 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <p><b>Mohon bakal jemaah haji diberi keutamaan vaksin Covid-19</b></p> <p>Kerajaan Arab Saudi telah mewajibkan pengambilan vaksin COVID-19 terhadap seluruh bakal jemaah haji.</p> <p>Justeru itu, golongan berkenaan perlu diberi keutamaan dalam pemberian vaksin dan hospital swasta boleh membeli vaksin daripada kerajaan dan menjalankan proses vaksinasi sendiri. Ini secara tidak langsung dapat mempercepatkan imuniti kelompok selain menjimatkan masa dan kos kerajaan.</p>    | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/680548/mohon-bakal-jemaah-haji-diberi-keutamaan-vaksin-covid-19">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/680548/mohon-bakal-jemaah-haji-diberi-keutamaan-vaksin-covid-19</a> |
| <b>C. Subsektor Penginapan</b> |                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                     |
| <p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Aktiviti pelancongan bagi kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dibenarkan beroperasi dengan 50 peratus kapasiti premis. Antara pusat tarikan pelancong awam yang dibenarkan seperti zoo, 'farms',</li> </ol> |                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                            |

akuarium, taman rekreasi serta taman ekstrem, taman 'adventure' 'nature parks' dan lain-lain. Selain itu, premis hasil seni, budaya dan warisan seperti muzium, perpustakaan, galeri seni, pusat atau kampung seni warisan budaya, pentas persembahan budaya dan lain-lain juga boleh beroperasi. Taman tema dan pusat hiburan keluarga juga dibuka.

2. Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menyasarkan untuk menarik pelaburan komited bernilai RM100 juta dalam bidang pelancongan dan perniagaan tani bagi memperkasakan ekonomi dan membasmi kemiskinan di daerah Mersing. Projek pembinaan Pusat Informasi dan Perkhidmatan Taman Laut Sultan Iskandar (PIPTLSI) merupakan pusat maklumat sehenti bagi pelancong serta turut berfungsi sebagai 'Pusat Transformasi Luar Bandar', dijangka siap pada Jun 2021. Antara projek lain adalah Inap Desa di Air Papan, Mersing. Melalui program empower ECER, seramai 164 usahawan baharu berjaya diwujudkan dan dilatih dengan kemahiran seperti simpan kira dan digitalisasi.
3. Malaysia mempunyai asas kukuh untuk memberi impak dalam usaha memulihkan ekonomi. Pelbagai pakej rangsangan ternyata membantu kelangsungan hidup rakyat, sekali gus menjana semula ekonomi domestik yang perlahan-lahan menemui rentaknya. Pembukaan semula dan pengukuhan pasaran domestik memadai untuk memulihkan ekonomi buat masa ini kerana ia banyak dijana oleh sektor tempatan.
4. Sektor berkaitan komoditi getah dan e-dagang merupakan dua industri utama yang paling banyak menerima manfaat daripada Covid-19 berdasarkan laporan Malaysian Insurance Highlights (MIH) 2020. Pandemik mempercepatkan proses pendigitalan dan teknologi ini telah membantu industri insurans untuk terus berhubung dengan pelanggan, ejen dan pekerja.
5. Kerajaan menyasarkan untuk menarik syarikat unikorn antarabangsa untuk beroperasi di Malaysia serta memangkin 5,000 syarikat permulaan dalam tempoh lima tahun melalui inisiatif MyDigital. Inisiatif ini mampu untuk menarik pelaburan baharu dalam sektor digital sebanyak RM70 bilion dari dalam dan luar negeri.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Kelonggaran kerajaan untuk membuka sektor pelancongan dan kebudayaan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemulihan (PKPP) dijangka memberi perubahan positif bagi industri pelancongan negara. Ini akan pengukuhan pasaran domestik serta memulihkan ekonomi negara. Ini selari dengan jangkaan agensi tempatan dan antarabangsa yang mengunjurkan ekonomi negara akan lebih baik pada tahun 2021.

2. Pelbagai inisiatif di bawah Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dilaksanakan bagi memperkukuh ekonomi dan membasmi kemiskinan di Daerah Mersing. Pembinaan Pusat Informasi dan Perkhidmatan Taman Laut Sultan Iskandar (PIPTLSI) dan Inap Desa di Air Papan merupakan antara asas bagi pembangunan sosioekonomi yang berterusan di daerah tersebut. Langkah ini juga dijangka dapat mewujudkan peluang pekerjaan, memperkasa pembangunan modal insan, dan membantu rakyat menyesuaikan diri dalam realiti ekonomi baharu ekoran pandemik Covid-19.
3. Pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2021 berada dalam jajaran pemulihan ekoran daripada inisiatif kukuh yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Pembukaan aktiviti ekonomi secara berperingkat, di samping suntikan tunai melalui pemberian Bantuan Prihatin Nasional adalah antara langkah bagi memastikan ekonomi tempatan kekal cergas. Selain itu, Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN, PRIHATIN SME PLUS, PENJANA, KITA PRIHATIN dan PERMAI turut membantu kelangsungan hidup rakyat dan membantu survival perniagaan terutamanya PKS.
4. Transformasi digital melalui inisiatif MyDigital telah memberi kesan peningkatan literasi digital dalam ekonomi. Secara tidak langsung, akan menarik pelaburan baharu dalam sektor digital terutamanya syarikat unikorn yang merupakan entiti perniagaan baharu milik swasta yang memiliki nilai keseluruhan melebihi AS\$1 bilion. Ini akan memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, akan mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan pekerjaan mahir berpendapatan tinggi dalam negara.

| G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM) |                                                              |                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                       |
|------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bil                                                              | Akhbar                                                       | Ringkasan                                                                                                                                                                                                                                               | Pautan                                                                                                                                                                |
| 1.                                                               | <b>Kosmo</b><br>3 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> )           | <b>Harga RON95, RON97 kekal</b><br><br>Harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.05 seliter manakala harga RON97 juga kekal pada paras RM2.35 seliter bagi tempoh 4 hingga 10 Mac depan. Harga runcit diesel juga kekal pada paras RM2.15 seliter. | <a href="https://www.kosmo.com.my/2021/03/03/harga-ron95-ron97-kekal/">https://www.kosmo.com.my/2021/03/03/harga-ron95-ron97-kekal/</a>                               |
| 2.                                                               | <b>Utusan Malaysia</b><br>3 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <b>Lebih 40% hotel bakal gulung tikar</b><br><br>Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Cawangan Pulau Pinang menjangkakan prospek ekonomi                                                                                                                      | <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/lebih-40-hotel-bakal-gulung-tikar/">https://www.utusan.com.my/berita/2021/03/lebih-40-hotel-bakal-gulung-tikar/</a> |

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                                                          |                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                                                                         |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                                                          | untuk industri perhotelan negeri itu akan semakin malap sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terus dilaksanakan selepas 4 Mac ini.                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                         |
| <p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, kerajaan mengekalkan harga runcit petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter, sungguhpun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk telah meningkat melebihi paras harga siling yang telah ditetapkan. Pengumuman harga runcit produk petroleum secara mingguan akan dibuat setiap hari Rabu mulai minggu ini.</li> <li>2. Impak PKP dan pandemik Covid-19 terhadap sektor pelancongan di Pulau Pinang amat teruk sehingga menyaksikan 21 buah hotel terpaksa ditutup sementara manakala sembilan lagi tutup sepenuhnya tahun lalu. Dijangka 30 hingga 40 peratus hotel dan resort di negeri itu akan menutup operasi sekiranya PKP terus dilaksanakan, dan tiada kelonggaran merentas sempadan negeri dipertimbangkan.</li> </ol> |                                                          |                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                                                                         |
| <p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kenaikan harga minyak akan memberi kesan kepada IHP kumpulan Pengangkutan.</li> <li>2. Kesukaran hotel untuk beroperasi ketika PKP dijangka akan menekan pemilik hotel untuk menawarkan harga hotel yang lebih murah dan ianya sekaligus memberi kesan kepada IHP Subkumpulan Hotel.</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                          |                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                                                                         |
| <b>H.</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <b>Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)</b> |                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                                                                         |
| <b>Bil</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | <b>Akhbar</b>                                            | <b>Ringkasan</b>                                                                                                                                                                                             | <b>Pautan</b>                                                                                                                                                                                                                           |
| 1.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | <b>Sinar Harian</b><br>3 Mac 2021<br>(non-Essential)     | <b>Covid-19: 1,745 kes baharu, tujuh kematian hari ini</b><br><br>Kes baharu Covid-19 yang direkodkan pada Rabu meningkat sedikit kepada 1,745 kes berbanding 1,555 pada Selasa, dengan tujuh lagi kematian. | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/126687/KHAS/Covid-19/Covid-19-1745-kes-baharu-tujuh-kematian-hari-ini">https://www.sinarharian.com.my/article/126687/KHAS/Covid-19/Covid-19-1745-kes-baharu-tujuh-kematian-hari-ini</a> |

**Penemuan penting & isu:**

1. Kes baharu Covid-19 yang direkodkan pada Rabu meningkat sedikit kepada 1,745 kes berbanding 1,555 pada Selasa, dengan tujuh lagi kematian. Daripada jumlah itu, 1,743 kes merupakan penularan tempatan manakala dua kes import menjadikan jumlah kumulatif kini menjangkau 305,880 kes. Kes sembuh yang dicatatkan dalam tempoh 24 jam lepas pula ialah sebanyak 2,276 menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh ialah 280,707. Sebanyak tujuh kematian Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif adalah 1,148 kes manakala 195 kes pula dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 95 memerlukan bantuan alat pernafasan. Selangor kekal mencatat kes baharu tertinggi iaitu 640 diikuti Johor (376) dan Sarawak dengan 139 kes. 47 kes (2.7 peratus) yang dilaporkan adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Telok Mas (20 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (13 kes), Kluster Damai Pelangi (13 kes), dan Kluster Penjara Jalan Sungai Jelok (1 kes).

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Kematian disebabkan COVID-19 akan dimasukkan dalam Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian, Malaysia, 2021.

| <b>I. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)</b> |                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                                                                                                                       |
|----------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Bil</b>                                                     | <b>Akhbar</b>                                        | <b>Ringkasan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | <b>Pautan</b>                                                                                                                                                                         |
| 1.                                                             | <b>Harian Metro</b><br>3 Mac 2021<br>(Non-essential) | <b>Pelajar B40 terima peranti pintar</b><br><br>Seramai 130 pelajar Tingkatan Lima kurang berkemampuan dari 13 sekolah menengah dalam Parlimen Jasin, terpilih untuk menerima sumbangan peranti pintar bagi membolehkan mereka mengikuti Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) 2.0.<br><br>Setiap sekolah perlu memilih 10 pelajar dari keluarga B40 untuk menerima sumbangan, sekali gus memastikan mereka tidak tercicir daripada mengikuti pembelajaran secara dalam talian. | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/679668/pelajar-b40-terima-peranti-pintar">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/679668/pelajar-b40-terima-peranti-pintar</a> |

Penemuan penting & isu:

1. Seramai 130 pelajar Tingkatan Lima kurang berkemampuan dari 13 sekolah menengah dalam Parlimen Jasin, terpilih untuk menerima sumbangan peranti pintar bagi membolehkan mereka mengikuti Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) 2.0. ketika ini

Maklumbalas Bahagian:

1. Golongan B40 adalah antara golongan yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 ini. Pemberian sumbangan peranti pintar kepada murid daripada keluarga B40 membolehkan mereka mengikuti Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR). Langkah tersebut adalah antara inisiatif untuk meringankan beban golongan tersebut Merujuk kepada MyLocal Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah, peratus isi rumah mengikut kumpulan pendapatan B40 di Melaka adalah sebanyak 2.9 peratus.

| J. Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM) |                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                                                                                                                                                                       |
|----------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bil                                                      | Akhbar                                                    | Ringkasan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Pautan                                                                                                                                                                                                                                |
| 1.                                                       | <b>Sinar Harian</b><br>4 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <b>Daging tempatan dijangka naik hingga RM45 sekilo</b><br><br>Harga daging tempatan dijangka naik sehingga RM45 sekilogram menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri. Ia berikutan kenaikan harga dedak ternakan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan Mac tahun lalu. Seguni dedak sebelum ini berharga RM54, sekarang harganya sudah mencapai RM58. | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/126760/LAPORAN-KHAS/Daging-tempatan-dijangka-naik-hingga-RM45-sekilo">https://www.sinarharian.com.my/article/126760/LAPORAN-KHAS/Daging-tempatan-dijangka-naik-hingga-RM45-sekilo</a> |

Penemuan penting & isu:

1. Ketika ini harga daging tempatan sudah mencecah RM40 sekilogram dan tidak menolak kemungkinan akan mencapai RM45 sekilogram menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan penerbitan Indikator Pertanian Terpilih 2020, purata harga runcit daging lembu tempatan bagi tempoh Januari-Jun 2020 adalah RM33.55. Kenaikan harga runcit daging lembu tempatan disebabkan oleh kenaikan harga dedak makanan lembu.

| K. Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM) |                                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|-------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bil                                             | Akhbar                                                      | Ringkasan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | Pautan                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| 1                                               | <b>The Malay Mail</b><br>2 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <p><b>Inter-district travel opens up opportunities for tourism sector, says minister</b></p> <p>The lifting of the inter-district ban beginning 5 March has allowed the public the opportunity to travel and boost the livelihoods of those involved in the tourism sector.</p> <p>Government was urged to issue special documents or passports to Malaysians who received the vaccine to enable movement within states and for social activities, including tourism. Industry players also suggested prioritising vaccine shots for tourism sector operators because they are also frontliners who receive guests and customers daily at their premises.</p> | <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/03/02/inter-district-travel-opens-up-opportunities-for-tourism-sector-says-minist/1954315">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/03/02/inter-district-travel-opens-up-opportunities-for-tourism-sector-says-minist/1954315</a> |
| 2                                               | <b>The Malay Mail</b><br>2 Mac 2021<br>( <i>Essential</i> ) | <p><b>Timber industry to rope in engineering grads under placement programme, says minister</b></p> <p>The timber industry will obtain the services of engineering graduates from local universities under the 2021 Timber Industry Engineer Placement and Internship Programme. The first batch of 80 students, was a collaboration between the Malaysian Timber Council (MTC) and eight local universities.</p>                                                                                                                                                                                                                                             | <a href="https://www.malaymail.com/news/monday/2021/03/02/timber-industry-to-rope-in-engineering-grads-under-placement-programme-says/1954242">https://www.malaymail.com/news/monday/2021/03/02/timber-industry-to-rope-in-engineering-grads-under-placement-programme-says/1954242</a>     |

|   |                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|---|---------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|   |                                                                     | <p>The programme will boost graduate marketability and strengthen the development and innovations of the timber industry. MTC would absorb the training cost as well as provide a RM2,000 allowance to participants.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| 3 | <p><b>The Malay Mail</b><br/>2 Mac 2021<br/>(<i>Essential</i>)</p>  | <p><b>MIDA: Manufacturing sector led investments within country in 2020 with RM91.3b</b></p> <p>Malaysia's manufacturing sector recorded a total of RM91.3 billion in approved investments for 2020, making it over half of the total approved investments in the country.</p> <p>The 1,049 approved projects in the manufacturing sector are expected to bring about approximately 80,190 job opportunities. Of the 80,190 job opportunities, it has been estimated that 28,706 positions or 35.8 per cent are for technical and supervisory roles, while 51,484 positions or 64.2 per cent of the jobs created were for sales, clerical, plant/machine operators and assemblers, and others.</p> | <p><a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/03/02/mida-manufacturing-sector-leads-investments-within-country-in-2020-with-rm9/1954153">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/03/02/mida-manufacturing-sector-leads-investments-within-country-in-2020-with-rm9/1954153</a></p> |
| 4 | <p><b>The Edge Market</b><br/>3 Feb 2021<br/>(<i>Essential</i>)</p> | <p><b>Genting Malaysia's senior management takes temporary voluntary 20% salary cut, asks staff to consider variation in employment contract based on rank</b></p> <p>Genting Malaysia Bhd's senior management team has taken a</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | <p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/genting-malaysias-senior-management-takes-temporary-voluntary-20-salary-cut-asks-staff">https://www.theedgemarkets.com/article/genting-malaysias-senior-management-takes-temporary-voluntary-20-salary-cut-asks-staff</a></p>                   |

|   |                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|---|-----------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|   |                                                           | <p>temporary voluntary 20% salary cut for three months, and the company has written to staff for them to consider a variation in their employment contract with a suggested variation staggered depending on job grade from 15% to 20% reduction in salary or one day no pay leave per week.</p> <p>They need to control RWG's (Resorts World Genting's) cost base to ensure the sustainability of their business and to help protect as many jobs as possible during this challenging time.</p> |                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| 5 | <b>The Malay Mail</b><br>4 Mac 2021<br><i>(Essential)</i> | <p><b>Sarawak opens doors to foreign workers starting March 1; employers to bear cost of quarantine, Covid-19 tests</b></p> <p>Foreign workers will be allowed back into Sarawak from March 1 but under stringent standard operating procedure (SOP). Sarawak State Localisation Committee' had approved a total of 27,000 applications for foreign workers covering sectors like agriculture, plantation, construction, manufacturing and services.</p>                                         | <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/03/04/sarawak-opens-doors-to-foreign-workers-starting-march-1-employers-to-bear-c/1954699">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/03/04/sarawak-opens-doors-to-foreign-workers-starting-march-1-employers-to-bear-c/1954699</a> |

**Penemuan penting & isu:**

1. Pembukaan semula larangan merentas daerah bermula 5 Mac akan membolehkan orang ramai merancang perjalanan dan seterusnya meningkatkan punca pendapatan mereka yang terlibat dalam sektor pelancongan. Kerajaan digesa untuk mengeluarkan dokumen khas kepada rakyat yang menerima vaksin bagi membolehkan pergerakan di dalam negeri untuk aktiviti sosial termasuk pelancongan adalah selamat.

2. Industri pembalakan akan menerima perkhidmatan daripada graduan kejuruteraan universiti tempatan di bawah Program Penempatan Jurutera dan Latihan Prasiswazah Dalam Industri Kayu-Kayan 2021. Kumpulan pertama melibatkan seramai 80 siswazah adalah kolaborasi antara *Malaysian Timber Council* (MTC) dan lapan universiti tempatan. Program ini akan meningkatkan kebolehpasaran siswazah selain mengukuhkan inovasi dan pembangunan industri kayu-kayan. MTC akan menanggung kos latihan serta menyediakan elaun sebanyak RM2,000 kepada peserta.
3. Sektor pembuatan di Malaysia merekodkan sejumlah RM91.3 bilion dalam pelaburan diluluskan untuk 2020, menjadikan ia melebihi separuh daripada jumlah pelaburan diluluskan di Malaysia. Sebanyak 1,049 projek diluluskan bagi sektor pembuatan dengan jangkaan pewujudan peluang pekerjaan sebanyak 80,190. Daripada 80,190, sebanyak 28,706 (35.8%) adalah bagi jawatan teknikal dan penyeliaan manakala 51,484 (64.2%) pewujudan jawatan adalah bagi jurujual, pengkeranian, operator mesin dan kilang dan lain-lain.
4. Pasukan pengurusan kanan Genting Malaysia Bhd telah mengambil pemotongan gaji sukarela sebanyak 20 peratus selama tiga bulan dan meminta pekerja lain mempertimbangkan variasi kontrak pekerjaan dengan cadangan pemotongan gaji di antara 15 dan 20 peratus atau cuti tanpa gaji sehari setiap minggu. Langkah ini bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan mengekalkan sebanyak mungkin pekerja dalam tempoh mencabar ini.
5. Pekerja asing akan dibenarkan kembali bekerja di Sarawak bermula 1 Mac dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat. Jawatankuasa Lokalisasi Negeri Sarawak telah meluluskan seramai 27,000 permohonan pekerja asing merangkumi sektor pertanian, perladangan, pembinaan, pembuatan, perkhidmatan merangkumi pengangkutan, restoran, kuari dan perlombongan.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Statistik utama tenaga buruh pada ST4 2020 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
  - i) Tenaga buruh: 15,922.3 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,161.6 ribu
  - iii) Penganggur: 760.7 ribu
  - iv) Luar tenaga buruh: 7,318.4 ribu
  - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.5%
  - vi) Kadar pengangguran: 4.8%

2. Statistik utama tenaga buruh pada ST4 2020 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
  - vii) Tenaga buruh: 15,922.3 ribu
  - viii) Penduduk bekerja: 15,161.6 ribu
  - ix) Penganggur: 760.7 ribu
  - x) Luar tenaga buruh: 7,318.4 ribu
  - xi) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.5%
  - xii) Kadar pengangguran: 4.8%
3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST4 2020:
  - i) Jumlah jawatan diisi adalah sebanyak 8,281 ribu, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,341 ribu (52.4%). Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,159 ribu (26.1%) dan sektor Pembinaan sebanyak 1,259 ribu jawatan diisi (15.1%).
  - ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit sebanyak 1,546 ribu (18.7%). Ini diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan sebanyak 910 ribu (11.0%) manakala Makanan & minuman dan penginapan sebanyak 789 ribu (9.5%).
  - iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 566 ribu (6.8%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 411 ribu (5.0%).
  - iv) Pewujudan jawatan adalah sebanyak 16.7 ribu, di mana tertinggi direkodkan di sektor Pembuatan dengan 6.8 ribu (40.5%) dan diikuti dengan sektor Perkhidmatan dengan 6.4 ribu (38.4%).
4. Statistik pekerja bagi ST4 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2020 adalah seperti berikut:
  - i) Pertanian: 1,851 ribu orang
  - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 68 ribu orang
  - iii) Pembuatan: 2,584 ribu orang
  - iv) Pembinaan: 1,404 ribu orang
  - v) Perkhidmatan: 9,255 ribu orang
  - vi) Jumlah: 15,162 ribu orang
5. Statistik produktiviti buruh bagi ST4 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2020 adalah seperti berikut:

| Aktiviti ekonomi             | Produktiviti buruh mengikut jam bekerja |                                 | Produktiviti buruh mengikut pekerja |                                 |
|------------------------------|-----------------------------------------|---------------------------------|-------------------------------------|---------------------------------|
|                              | Nilai (RM)                              | Perubahan Peratusan Tahunan (%) | Nilai (RM)                          | Perubahan Peratusan Tahunan (%) |
| Pertanian                    | 25.1                                    | -0.4                            | 13,183                              | -0.3                            |
| Perlombongan dan pengkuarian | 574.8                                   | -6.4                            | 344,767                             | -9.1                            |
| Pembuatan                    | 55.8                                    | 6.0                             | 32,592                              | 3.2                             |
| Pembinaan                    | 17.4                                    | -6.7                            | 10,173                              | -8.4                            |
| Perkhidmatan                 | 39.4                                    | -2.7                            | 22,304                              | -4.9                            |
| <b>Jumlah</b>                | <b>41.6</b>                             | <b>-0.8</b>                     | <b>23,570</b>                       | <b>-2.9</b>                     |

6. Berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah tahun 2019, penengah gaji & upah bulanan adalah RM2,442 manakala purata gaji & upah bulanan sebanyak RM3,224.